## Praktis 5 Sajak *Aku*

**Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.**

*Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**Aku**

Tidak ada manusia lain
di pantai ini
kecuali diriku.

Kususur pasir panjang
sambil kubayangkan
aku ini Adam.

Hari inilah aku *tercipta*
dan pertama kali melihat
laut, langit, dan pohon.

Kelmarin aku belum ada
tidak terdengar olehku
bunyi ombak itu.

Tidak terasa olehku
sentuhan angin ini
bertiup di mana-mana.

Bahkan aku tidak tahu
kulit kerang dan ru
pernah wujud di sini.

Tuhan
aku percaya Kau Pencipta
kerana aku baru ada.

**ROSLI K. MATARI**

Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

1 Apakah maksud perkataan *tercipta* dalam sajak di atas?
- A Disiapkan
- B Dijadikan
- C Dibangunkan
- D Dipamerkan

Mentafsir Aras R

2 | Penyajak dapat melihat laut, langit, dan pohon buat pertama kalinya. |

Berdasarkan penyataan di atas, apakah peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan perasaan penyajak?
- A Bagai kacang direndang
- B Bagai murai dicabut ekor
- C Seperti ular kena palu
- D Seperti tikus jatuh di beras

Mentafsir Aras R

3 Antara berikut yang manakah **bukan** persoalan yang terdapat dalam sajak ini?
- A Tindakan merenung kewujudan diri akan mendekatkan diri kepada Pencipta.
- B Tekad untuk menghentikan segala bentuk pencemaran yang memusnahkan alam sekitar.
- C Kesyukuran kerana kita dihidupkan lalu dapat melihat dunia dan isi alam.
- D Keyakinan bahawa Tuhanlah yang telah mencipta kita.

Memahami; Menganalisis Aras S

4 Penyajak tidak merasai
- A titisan hujan dari langit.
- B kesejukan air laut di hadapannya.
- C sentuhan angin yang bertiup di serata alam.
- D keenakan kerang yang pernah wujud di pantai itu.

Memahami; Menganalisis Aras S

5 Yang berikut merupakan penyataan yang benar berdasarkan penyajak, **kecuali**
- A penyajak menyusuri pantai yang panjang dan berpasir.
- B penyajak membayangkan bahawa dirinya sebagai Adam.
- C penyajak mengatakan bahawa kelmarin dia belum wujud dan dia tidak mendengar bunyi guruh.
- D penyajak mengakui kewujudan dan keesaan Tuhan.

Menganalisis; Menyusun Aras T



LIVEWORKSHEETS